

27/04/1997

Mahathir lancar Chimaera

SHAH ALAM: Malaysia mempunyai peluang cerah memasuki serta menguasai industri pembuatan kereta sport berikutan beberapa kejayaan dalam sektor automotif sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, berkata walaupun pasaran kereta sport agak terhad, industri itu mampu mendedahkan rakyat Malaysia dalam bidang automotif melalui pemindahan teknologi.

"Saya lihat peluang kita sangat cerah dalam industri pengeluaran kereta sport serta bidang kejuruteraan secara keseluruhannya.

"Kita dapati kereta jenis sport mempunyai pasaran terhad. Oleh kerana itu, kita mempunyai banyak pilihan untuk membentuk kereta, memperbaiki, menukar enjin dan menyesuaikan enjin dengan kereta.

"Ini memberi peluang kepada kita untuk mempelajari bidang kejuruteraan, mereka bentuk dan struktur pengeluaran," katanya selepas melancarkan kereta sport pertama negara - TVR Chimaera keluaran TVR Sports (Malaysia) Sdn Bhd (TVR Sports), di Litar Lumba Shah Alam di sini, semalam.

Perdana Menteri turut memandu uji TVR Chimaera sebanyak dua pusingan di litar berkenaan dengan pelumba negara, Alexander Yoong, berada di sebelahnya.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Pengerusi TVR Sports, Datuk Mohd Razali Abdul Rahman.

Perdana Menteri berkata, masalah pemindahan teknologi oleh syarikat asing kepada pengusaha tempatan tidak harus dijadikan halangan memajukan sektor automotif negara. Apa yang penting, katanya, rakyat Malaysia mesti benar-benar bersedia dan memahami terlebih dahulu sebarang teknologi yang ingin diambil alih.

"Memang ada kadang-kadang perasaan pihak lain tidak mahu memindahkan teknologi mereka. Terpulang kepada kita sama ada hendak kejar teknologi itu atau tidak, atau kita nak tunggu orang beri saja tapi kita tidak bersedia untuk menerima.

"Dalam perkara teknologi ini, kita sendiri mesti faham teknologi itu sebelum kita dapat mengambil alih atau menikmati faedah daripadanya," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini kerajaan ada menerima cadangan daripada beberapa pihak yang ingin mengeluarkan kereta sport, tetapi tidak berjaya.

"Ada juga orang yang membawa kereta sport dari Britain, kononnya ia dibuat oleh rakyat Malaysia di negara itu.

"Sebenarnya, ia kereta sport yang lama yang dibawa untuk ditunjuk di sini saja. Saya harap perkara ini tidak berlaku. Kita nak kereta sport yang asli di buat di sini," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir turut menyentuh mengenai pentingnya kemajuan bidang automotif dalam membantu kerajaan memerangi masalah defisit sekarang.

Menurutnya, industri automotif negara tumbuh dengan pesat sejak 12 tahun lalu dan daripada sebuah negara yang tidak dikenali, kini Malaysia mampu bersaing dengan negara pengeluar lebih maju.

"Kita bukan saja mampu mengeluarkan kenderaan yang kualitinya setanding dengan negara maju, malah menerokai bidang mereka bentuk serta menghasilkan sendiri kenderaan, termasuk kereta sport," katanya.

Beliau berharap pengeluaran TVR Chimaera akan menjadi landasan kepada pengusaha tempatan untuk menerokai lebih banyak industri pembuatan kereta sport.

"Kita berterima kasih kepada syarikat British yang memberi dan memindah teknologi pembuatan kereta ini dalam masa yang singkat," katanya.

(END)